

NEWSPAPER CLIPPING
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

DATE: 13/12/2009

6H-13/12/2009
**Nazri enggan
mohon maaf
kepada Dr M**

KUALA KANGSAR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata beliau tidak akan memohon maaf kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berikutan beberapa kenyataan terbuka dibuatnya sebelum ini.

Katanya, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak juga tidak meminta beliau memohon maaf, sebaliknya menasihati beliau menghentikan polemik dengan Dr Mahathir.

Beliau berkata, Perdana Menteri bimbang kerana ada tuduhan bahawa Najib yang meminta beliau membuat kenyataan keras terhadap Dr Mahathir mengenai perubahan kurikulum kursus Biro Tata Negara.

"Tak ada, dia tak suruh pun (minta maaf). Dia cuma kata apa yang Nazri buat ini, orang tuduh saya yang suruh.

"Apa yang saya buat, biar saya seorang terluka. Saya tidak mahu Perdana Menteri terluka. Tuduhan ini menjejaskan Perdana Menteri.

"Apa yang berlaku, saya seorang. Jangan perbuatan saya melukakan orang lain," katanya selepas merasmikan bas baru The Combined Bus Services Sdn Bhd di sini, semalam.